

# **Perpaduan Nasional Berteraskan Melayu-Islam di Negara Malaysia : Sorotan Kajian**

## ***[National Unity Based on the Malay-Islamic State of Malaysia: Highlights of the Study]***

**Muhamad Zuhaili Saiman<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Academy of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia, e-mail: mdzuhaili@uitm.edu.my

### **ABSTRACT**

*The achievement of national unity in Malaysia is a complex undertaking, necessitating a comprehensive understanding of Malaysia's historical context and the transformative developments that have occurred. This disparity arises due to the unique circumstances prevailing in each country. Malaysia exhibits a rich tapestry of racial diversity. It is commonly characterized as a pluralistic country, wherein minority groups preserve their distinct identities despite coexisting within the larger framework of the majority Malay society. Malaysia is currently undergoing a particular process of social integration, which differs from the neighbouring country of Indonesia. In contrast, Indonesia is experiencing a process of assimilation characterized by the unification of races under a single identity. This assimilation entails the minority race conforming to the identity and culture of the majority race. The primary aim of this study is to examine the various concerns and challenges of national unity within the context of present-day Malaysia. The research approach employed in this article is a qualitative methodology, explicitly utilizing a literature review. Gathering data from secondary sources involves accessing various types of written materials such as books, articles, journals, newspaper reports, and reputable websites relevant to the specific topic being investigated. Data analysis uses non-participatory observation and content analysis methodologies to systematically examine communication content by analyzing relevant documents. The findings of the study indicate that in the pursuit of national cohesion in Malaysia, it is imperative for all parties involved to demonstrate reverence and recognition towards the Malay-Islamic identity. This identity serves as a fundamental cornerstone for fostering unity, given the prevailing circumstances and the historical context surrounding the establishment of the Malaysian nation.*

**Keywords:** Malaysia, Malay-Islam, national unity, current reality

---

## ABSTRAK

Mewujudkan perpaduan nasional di Malaysia bukanlah suatu perkara mudah malah semua pihak perlu memahami realiti semasa Malaysia dari sudut sejarah dan perubahannya. Ini kerana setiap negara mempunyai realiti yang berbeza-beza. Malaysia memiliki kepelbagaian kaum yang disebut sebagai masyarakat majmuk di mana kaum minoriti mengekalkan identiti masing-masing sekalipun berada di tengah masyarakat kaum majoriti iaitu Melayu. Ini kerana pembentukan Malaysia menerusi proses integrasi dalam kehidupan bermasyarakat yang berbeza dengan masyarakat di negara jiran, Indonesia yang menerusi proses asimilasi di mana wujud penyatupaduan antara kaum dengan satu identiti yang sama dengan maksud kaum minoriti mengikut identiti serta budaya kaum majoriti. Objektif kajian ialah untuk menganalisis isu dan cabaran berkaitan perpaduan nasional berdasarkan realiti semasa di Malaysia. Metodologi yang digunakan dalam artikel ini ialah reka bentuk kualitatif menerusi kajian kepustakaan. Pengumpulan data menerusi sumber sekunder sama ada buku, artikel, jurnal, laporan akhbar serta web-web yang berautoriti berhubung isu yang dikaji. Penganalisisan data dilakukan menerusi kaedah pemerhatian tanpa turut serta serta analisis kandungan yang bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik bagi menjelaskan kandungan sesebuah komunikasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam mewujudkan perpaduan nasional di Malaysia setiap pihak perlu menghormati dan menghayati imej Melayu-Islam yang menjadi tonggak kepada perpaduan ini berdasarkan realiti semasa dan sejarah pembentukan negara Malaysia.

**Kata Kunci:** Malaysia, Melayu-Islam, Perpaduan Nasional, Realiti Semasa

### How to Cite:

|           |              |                                                                        |
|-----------|--------------|------------------------------------------------------------------------|
| Received  | : 29-07-2023 | Muhamad Zuhaili Saiman. (2023). Perpaduan Nasional                     |
| Accepted  | : 27-09-2023 | Berteraskan Melayu-Islam di Negara Malaysia:                           |
| Published | : 30-11-2023 | Sorotan Kajian. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 4(2), 201-216 |

## 1. Pendahuluan

Negara Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk sejak penubuhannya sehingga ke hari ini. Oleh hal demikian, kepelbagaian dan perbezaan yang wujud menjadi agenda besar pihak kerajaan dan negara untuk diuruskan agar mencapai kestabilan negara serta keharmonian antara rakyat yang berbilang bangsa dan etnik. Sejarah menunjukkan apabila agenda perpaduan gagal dicapai maka akan mencetuskan hubungan yang tegang seterusnya negara menjadi tidak stabil dan berlaku kekacauan yang menggugat keamanan. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 menjadi pengalaman pahit yang dikenang dan

pengajaran kepada Malaysia sehingga didokumentasikan sebagai asas utama dalam silibus kefahaman bahawa betapa pentingnya usaha ke arah perpaduan kalangan masyarakat dalam negara. Justeru, dari sudut kejayaan politik dengan terbentuknya Kerajaan Campuran PAS-Perikatan pada 1973 memperlihatkan kebangkitan kesatuan kalangan bangsa Melayu khususnya sebagai kaum majoriti bagi mengatasi isu ketegangan antara kaum rentetan dari peristiwa hitam tersebut (Badlisham, 2000).

Namun begitu, dengan isu-isu semasa yang melibatkan perpaduan antara rakyat dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi, ia juga seakan membuka ruang perbalahan ekoran kecenderungan dalam memberikan sokongan kepada parti-parti politik yang berbeza-beza. Dengan isu yang seringkali timbul melibatkan agama Islam dan hak istimewa Melayu dan kaum Bumiputera, maka sejauh mana agenda perpaduan selama ini telah terhasil? Sudah banyak kajian dan perbincangan ilmiah dari sudut etimologi, terminologi, epistemologi serta praktikal ke arah model perpaduan yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Status agenda perpaduan dalam negara adalah masih di tahap perpaduan yang sebenar atau sekadar di tahap kesepaduan atau penyatupaduan? Perbezaan antara perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan dapat disimpulkan seperti berikut (Shamsul Amri, 2014 & 2019) :

- i. Kesesuaian proses kesepaduan dalam realiti negara menjadi syarat kepada perpaduan nasional.
- ii. Usaha penyatupaduan adalah proses berterusan selagimana ada kepelbagaian.
- iii. Kesepaduan ialah suasana aman dan sejahtera dalam masa yang sama masyarakat memiliki perbezaan, persaingan, *contestation* dan *khilaf* antara satu sama lain.

Sungguhpun isu-isu yang melibatkan ketegangan hubungan antara kaum serta parti-parti politik yang ada, Malaysia masih lagi mampu mengawal dan membendung sebarang usaha negatif dari berlaku perang saudara seperti mengangkat senjata. Jika diperhatikan di media sosial kadang kala ia kelihatan sangat ketara dengan hantaran-hantaran isu yang tidak mencerminkan keharmonian antara pihak yang berbalah. Berbeza dengan negara-negara luar yang tercetusnya pertumpahan darah disebabkan terjadinya perang saudara antara rakyat dalam negara sebagaimana yang terjadi di Syria dan begitu juga di negara-negara Teluk ditambah lagi isu yang berlaku wujud campur tangan Amerika Syarikat ke atas negara tersebut. Justeru, kesepaduan sosial menjadi kunci penting perpaduan nasional dalam memastikan sesebuah masyarakat berada dalam keadaan aman dan harmoni (Lina Mastura & Zaleha, 2021).

## **2. Metodologi Kajian**

Metodologi kajian ini ialah kajian kualitatif menerusi reka bentuk kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Skop kajian adalah berkenaan isu semasa yang melibatkan perpaduan nasional dalam negara Malaysia. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini ialah melalui dokumen-dokumen yang dapat memberikan maklumat yang relevan kepada masalah kajian. Data-data diperolehi dari sumber sekunder antaranya buku, artikel, prosiding yang berautoriti, akhbar dan web-web yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan. Kaedah analisis data pula melibatkan proses pemerhatian, merekod, mengumpul, memilih, mengasing data dan memahami bila ia akan digunakan. Penganalisan data adalah menerusi pemerhatian tanpa turut serta dan analisis kandungan yang bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik bagi menjelaskan kandungan sesebuah komunikasi. Dokumen-dokumen yang dianalisis melibatkan artikel, buku, laporan akhbar dan web-web bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu menganalisis isu berkaitan perpaduan nasional berdasarkan realiti semasa di Malaysia.

## **3. Realiti Semasa Bagi Perpaduan Nasional di Malaysia**

### ***3.1 Tonggak Utama ialah Melayu Dan Islam***

Perpaduan nasional bagi negara Malaysia memerlukan semangat kekitaan dari semua kaum dan bangsa sekalipun kepelbagaian yang ada tidak boleh dihapuskan. Untuk mewujudkan semangat kekitaan ini, semua pihak mestilah mempunyai matlamat dan objektif yang sama. Ia akan menjadi titik persamaan persefahaman yang menjadi teras kepada agenda perpaduan. Cabaran yang terjadi ialah setiap kaum mahu menonjolkan imej kaum tersendiri. Hal ini tidak dapat merealisasikan semangat kekitaan dalam mewujudkan perpaduan nasional kerana Malaysia mempunyai sejarah asal yang mempunyai keistimewaan dan pengaruh yang sangat kuat.

Sehubungan itu, dalam semangat kekitaan yang mahu dibentuk, kewajaran yang realistik adalah imej kaum dan bangsa yang dominan mestilah menjadi tonggak utama di peringkat imej nasional sekalipun di peringkat sosial kepelbagaian dikekalkan atas keunikan tersendiri. Ini disebabkan setiap pembentukan negara ada sejarah tersendiri yang menjadi tonggak imej bagi negara tersebut. Begitu juga dengan negara Malaysia walaupun perubahan ketara telah berlaku dengan tercapai

kemerdekaan yang dicapai pada tahun 1957 sehingga pembentukan negara Malaysia pada tahun 1963.

Bagi negara Malaysia, realitinya bangsa yang berpengaruh adalah kaum Melayu itu sendiri (Mohamed Anwar, 2011). Ini dapat dilihat kepada tiga perkara asas iaitu :

- i. Sejarah. Kaum Melayu sebagai penduduk asal yang bertapak di serantau ini sebelum dari era penjajahan lagi.
- ii. Dominasi peratusan penduduk teramai. Berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) yang menyatakan jumlah pendudukan Malaysia pada tahun 2022 dianggarkan 32.7 juta. Kaum Melayu sebanyak 57.7% diikuti Bumiputera sebanyak 12.2%, kaum Cina sebanyak 22.8% manakala kaum India sebanyak 6.6% dan berbaki 0.7% dari lain-lain.
- iii. Kedudukan Yang Di-Pertuan (YDP) Agong sebagai Ketua Negara sebagaimana dalam peruntukan Perkara 32 (1) Perlembagaan dan dijamin kedudukannya pada Perkara 181 (1) Perlembagaan Persekutuan. YDP Agong dipilih dari kalangan Raja-raja dalam Majlis Raja-raja sebagaimana peruntukan Perlara 32 (3) Perlembagaan. YDP Agong dan Raja-raja merupakan kalangan orang Melayu malah menjadi Ketua agama Islam di negeri yang ditadbir. Ini sekaligus menjadi simbol kekuasaan dan pentadbiran meletakkan asas Melayu dan Islam.

Lantaran itu, imej "Melayu" pada hakikat di peringkat nasional tidak hanya sebagai imej kaum semata-mata. Imej "Melayu" adalah tonggak dan akar bagi peradaban negara Malaysia sebagai sebuah negara bangsa kerana imej "Melayu" secara asasnya merupakan imej di peringkat kebangsaan. Ini dapat dilihat kepada beberapa aspek antaranya :

- i. Perkara 152 Perlembagaan yang memperuntukan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu. Istilah Bahasa Melayu lebih tepat berbanding Bahasa Malaysia (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2012)
- ii. Pakaian tradisi orang Melayu berbeza-beza mengikut lokasi dan daerah namun yang dilihat popular di zaman moden ini ialah Baju Kurung (untuk perempuan) dan Baju Melayu (untuk lelaki). Kedua-duanya diiktiraf sebagai pakaian kebangsaan di Malaysia (Nisar, 2020).

Justeru, menuntut sesuatu kemelayuan yang bersifat imej kebangsaan tidak boleh disebut rasis atau perkauman kerana ia adalah dominasi kebangsaan yang mesti ke atas setiap rakyat dari pelbagai kaum

menghormati dan menghayatinya seperti isu kefasihan berbahasa Melayu oleh kaum selain Melayu (Astro Awani, 2019). Ia bukan isu mahu memelayukan kaum lain tetapi ia isu imej kebangsaan dalam membina peradaban negara Malaysia. Selagimana isu Melayu yang menjadi nilai kebangsaan ini tidak dianggap sebagai identiti rakyat Malaysia oleh semua kaum, selagi itulah kita berhadapan dengan kesukaran membentuk negara bangsa menerusi usaha peradaban yang dibentuk.

### ***3.2 Perpaduan Nasional Bermula Dengan Penyatuan Umat Melayu Islam***

Ibn Khaldun merupakan tokoh pemikir dalam Islam yang menjadi salah satu rujukan bagi isu yang melibatkan sejarah kenegaraan. Beliau menyatakan bahawa teori perpaduan bagi sesebuah negara dengan menggariskan 5 elemen penting iaitu (Rosfazila & Abdul Razif, 2017):

- i. *Al-Ukhuwwah* atau persaudaraan.
- ii. *Al-Nubuwwah* atau seruan kebenaran iaitu matlamat kepada persaudaraan diikat
- iii. *Al-Muluk* iaitu kekuasaan yang termaktub dan terpelihara.
- iv. *Al Asabiyah* yang bermaksud pendominasian kekuasaan.
- v. *Al Ma'unah* iaitu solidariti yang dibentuk mendapat pertolongan dari Allah.

Sehubungan itu, usaha mewujudkan perpaduan nasional menerusi langkah menyatupadukan parti politik dalam kalangan umat Melayu Islam mestilah bermula dengan semangat persaudaraan yang jelas matlamatnya iaitu mendahulukan kepentingan Islam. Adalah menjadi prinsip utama bahawa apa sahaja yang melibatkan kepentingan Islam mestilah menjadi kepentingan kesatuan dalam perpaduan nasional yang dibentuk sama ada dalam kalangan para pemimpin, penyokong dan rakyat umum. Namun jika wujud kepentingan selain Islam, maka usaha ke arah kesatuan akan gagal serta perpaduan nasional tidak dapat direalisasikan. Oleh demikian, sirah Rasulullah SAW menunjukkan bahawa umat Islam di Madinah kuat kerana wujudnya ikatan persaudaraan yang bermatlamatkan kepentingan Islam. Berlakunya huru-hara di Madinah dalam peristiwa *Hadithul Ifki* apabila tercetus bibit perbalahan antara kaum *Aus* dan *Khazraj* kerana terdapat sebahagian mereka yang masih fanatik dengan Abdullah bin Ubay bin Salul, bapa munafik sejak sebelum kehadiran Rasulullah SAW ke Madinah lagi (al-Sirjani, 2016).

Dalam konteks negara Malaysia, usaha ke arah perpaduan nasional ialah dengan memulakan langkah-langkah bagi

menyatupadukan parti-parti politik sedia ada yang berlatar belakangkan dokongan dari kalangan Melayu-Islam. Apatah lagi, apabila membicarakan usaha negara Malaysia ke arah sebuah peradaban negara bangsa yang hebat, imej Melayu tidak boleh bersendirian tanpa diikat kemas dengan Islam. Ini kerana jika Melayu sahaja tanpa Islam, maka akan rapuh dan tidak akan ke mana. Penerimaan kita kepada Melayu adalah berasaskan faktor uruf dan adat bahawa apabila disebut istilah Melayu itu, secara langsung difahami bahawa ia merupakan kaum penganut beragama Islam sebagaimana tafsiran pada Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan. Umat Melayu Islam mesti bersatu atas kepentingan Islam. Kerjasama dan perpaduan yang dibentuk mesti berpusatkan Islam serta tidak boleh dipisahkan. Perbincangan politik yang kritikal juga hanya mampu diselesaikan dengan meletakkan kepentingan Islam di hadapan.

Justeru, bagi merealisasikan usaha perpaduan nasional ke arah peradaban negara bangsa yang maju, maka kalangan pimpinan Melayu-Islam di negara ini perlu disatu padu terlebih dahulu, kemudian disusuli dengan golongan bukan Islam yang tidak ekstrim, yang boleh patuh kepada perundangan negara (Abdul Hadi, 2021). Hal ini disebabkan suasana negara dipengaruhi oleh perpaduan atau perpecahan umat Melayu Islam itu sendiri. Selagimana perpecahan di kalangan umat Melayu Islam berterusan maka negara akan lemah dan negara tidak akan stabil. Akibatnya negara mudah diserang oleh musuh luar yang pada masa akan datang. Perpaduan kalangan umat Melayu Islam ini mesti dibentuk dari peringkat bawah sehingga ke peringkat atas dalam kalangan pimpinan parti politik. Malah pengaruh pimpinan atasan dalam kalangan parti politik memberi kesan kepada suasana di peringkat bawahan. Hal ini dapat dilihat ketika pemerintahan pihak kerajaan persekutuan yang berbeza parti politik. Hubungan yang tegang antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri akan mempengaruhi perpaduan di peringkat rakyat bawahan. Justeru, jika isu perpaduan ini gagal diurus dengan betul oleh pihak kerajaan yang melibatkan perkauman dan agama, maka ia akan memberi kesan buruk yang sangat besar kepada negara (Hussamuddin Yaacob, 2022).

Lantaran itu, sistem demokrasi yang diamalkan dalam negara sewajarnya bukanlah menjadi punca kepada perpecahan dan perbalahan yang berpanjangan yang akhirnya merugikan kuasa politik dalam kalangan Melayu Islam itu sendiri. Apabila wujud individu atau kumpulan yang rakus dalam merebut kuasa, maka kepentingan Islam, negara dan rakyat menjadi taruhan. Sepatutnya medan sistem demokrasi yang diamalkan mempunyai manfaat sebagai medan :

1. Bukti kelayakan pimpinan tersebut berpengaruh menerusi undian majoriti dimiliki menerusi pengundi yang disahkan layak mengundi menurut syarat perundangan.
2. Menjadi medan semak dan imbang (*check and balance*) dalam konteks nasihat menasihati dan berkolaborasi idea mendapatkan solusi buat kesejahteraan negara dan manfaat rakyat.

Namun jika sistem demokrasi disalah guna sehingga menjadi gelanggang perpecahan umat Melayu Islam di negara ini maka kita akan lihat bagaimana kegusaran yang berlaku khususnya seperti pasca PRU 14 apabila Pakatan Harapan yang disokong hebat oleh parti DAP (Parti Tindakan Demokratik) yang mempunyai agenda tersendiri sehingga timbulnya isu-isu polemik yang menyentuh sensitiviti agama Islam, bangsa Melayu, institusi Raja-raja dan lain-lain lagi. Realiti semasa, parti politik yang didominasi kaum Melayu semakin banyak dan berpecah, tidak lagi hanya PAS dan UMNO sahaja seperti dahulu. Malah Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PBBM), Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG), MUDA (Ikatan Demokratik Malaysia) serta beberapa parti kecil yang lain juga telah wujud. Ini menunjukkan bahawa perlunya usaha yang lebih serius dalam menyatu padukan semua parti politik dengan realiti semasa dalam negara yang tonggakanya pada Melayu dan Islam itu sendiri. Perpaduan akan terbentuk dengan syarat setiap parti mengambil kira kepentingan yang merentasi blok kepartian, iaitu dengan memastikan matlamat utama menjaga Islam, ummah, kesejahteraan negara serta kestabilan pentadbiran.

Isu-isu yang menyentuh sentimen Melayu seperti kefasihan berbahasa Melayu, isu penerapan sejarah negara dalam silibus pendidikan secara penuh, isu aliran sekolah kebangsaan serta jenis kebangsaan, jurang perbezaan ekonomi antara kaum masih memerlukan usaha serius secara berkala dan berfokus dalam memastikan keterjaminan perpaduan. Keunikan masyarakat majmuk masih lagi diiktiraf dan diterima. Hal ini boleh dilihat menerusi kemerdekaan pada 1957 yang menunjukkan masyarakat majmuk dalam negara melalui proses integrasi di mana kaum minoriti mengekalkan identiti dalam hidup bersama kaum majoriti. Kepelbagaian kaum yang sedia ada wajar berada pada tahap sosial sahaja namun peringkat nasional satu identiti yang tonggakanya Melayu-Islam yang perlu dihormati.

Perpaduan nasional merupakan usaha yang perlu dilakukan melebihi usaha perpaduan sosial yang wujud dalam kalangan masyarakat majmuk. Kepelbagaian tersebut merupakan keunikan dan variasi di peringkat sosial yang diiktiraf. Namun, perpaduan nasional pula merupakan identiti bersama ke atas semua rakyat Malaysia. Sehubungan

itu, tidak wajar timbulnya isu seperti kefasihan berbahasa Melayu dalam kalangan kaum selain Melayu, yang hanya beranggapan Raja adalah ketua bagi kaum Melayu sahaja yang membawa kepada konflik identiti rakyat Malaysia yang sama. Amat malang jika seseorang tersebut mengaku sebagai rakyat Malaysia namun lebih mencintai dan menghayati sejarah negara luar seperti negara China dan India. Malah lebih malang jika terdapat dalang untuk menukarkan identiti Malaysia kepada identiti berlainan melalui penerapan ideologi serta tindakan yang bercanggah dengan Melayu.

Selain itu perlunya perhatian serius dan waspada dengan isu-isu yang melibatkan kelangsungan Melayu-Islam dalam negara yang boleh menyebabkan terbantutnya usaha-usaha ke arah perpaduan nasional seperti (Nur Azah, Asbah & Mohd Syariefudin, 2021):

- i. Polemik penggunaan kalimah Allah.
- ii. Murtad dan pertukaran agama.
- iii. Penghinaan terhadap agama lain.
- iv. Penghinaan kepada Sultan dan Institusi Beraja.
- v. Mencabar Perkara 153 (Hak Istimewa Orang Melayu).
- vi. Mencabar Kedudukan Bahasa Melayu (Perkara 152).

#### **4. Cabaran Semasa Mewujudkan Perpaduan Nasional di Malaysia**

##### **4.1 Cabaran Menguruskan Kepelbagaian**

Slogan kita dalam mewujudkan kesatuan dalam masyarakat majmuk ialah kesatuan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*). Namun, dalam masa yang sama, kepelbagaian itu sendiri hakikatnya berpotensi besar mencabar perpaduan apabila kerajaan tidak berjaya mengurus perbezaan yang lahir dari kepelbagaian. Sedangkan kepelbagaian yang dikehendaki darinya itu adalah keunikan agar lebih meriah dan saling mengambil serta memberi manfaat antara satu sama lain sebagaimana fitrah kejadian manusia yang berpuak-puak dan berbangsa-bangsa seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Hujurat ayat 13. Dalam menguruskan kepelbagaian ini, usaha yang dilakukan mestilah berasaskan sudut pandang positif ke arah yang mencapai manfaat dan kebaikan, bukannya pertentangan antara satu sama lain sehingga timbulnya perpecahan dan perbalahan (Shamsul Amri, 2019).

Justeru, kepelbagaian yang sedia ada ini mesti diikat dengan satu ikatan yang mampu mengikat kesemua pihak yang berbeza. Malaysia sebagai contoh yang kita dapat lihat, beberapa perkara mesti ditekankan penghayatan dan pengamalannya agar usaha mencapai perpaduan dicapai walau terdapat pelbagai isu dan polemik yang cuba mengganggu gugat

kehamonian dan menghalang perpaduan nasional ini. Kemelut akan tercetus apabila perkara yang terjadi disebabkan pelanggaran kepada peruntukan atau lunas perundangan yang ada dalam Perlembagaan ini seperti menyentuh isu-isu sensitif antaranya (Nur Azah, Asbah & Mohd Syariefudin, 2021):

- i. Agama Islam.
- ii. Institusi Diraja.
- iii. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.
- iv. Hak istimewa kaum Melayu dan bumiputera.

Dalam konteks agama, realiti di Malaysia memberikan keistimewaan dalam peruntukan perlembagaan sebagai agama Persekutuan namun dalam masa yang sama Islam memberi kebebasan kepada mereka untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing. Akan tetapi apabila penganut selain Islam dimomokkan dengan gambaran salah terhadap Islam maka kita dapat lihat wujudnya campur tangan ke atas urusan Islam sehingga menimbulkan suasana tegang dan tidak senang antara kaum. Contohnya dalam polemik yang melibatkan RUU 355 dalam memperkasakan bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Sedangkan perkara yang dibincang hanyalah melibatkan urusan umat Islam dan hukuman agama sahaja tanpa melibatkan agama lain. Sewajarnya penganut agama lain tidak dimomokkan dengan info yang salah sehingga timbul campur tangan dan bantahan kerana ia tidak melibatkan hak kalangan penganut agama selain Islam yang akhirnya memberi kesan tahap sosial dalam kalangan masyarakat dan kaum.

#### ***4.2 Mengutamakan Kepentingan Negara***

Untuk memastikan perpaduan nasional tercapai, setiap rakyat mestilah memastikan diri mereka meletakkan keutamaan dan kepentingan negara berbanding ideologi kelompok bahkan keinginan individu (Abdul Hamid, 2020). Keterikatan semua rakyat dengan keutamaan kepentingan negara akan menjadikan perbezaan di peringkat bawah tidak menjadi titik pergaduhan. Setiap manusia ada kepentingan dan keinginan masing-masing. Adalah mustahil menjadikan manusia itu sama sedangkan asal kejadian manusia juga berbeza dan pelbagai. Bagi Islam, sifat kemanusiaan merupakan perkara umum dan hanya Islam merupakan agama yang tidak bersifat perkauman. Oleh itu, Islam merupakan agama yang terkehadapan di dunia dalam membawa kesatuan kalangan manusia.

Dari perspektif Islam, nilai kemanusiaan yang menjadikan perbezaan agama bukanlah menjadi sebab peperangan atau pergaduhan.

Malah nilai kemanusiaan dengan perbezaan suku kaum dan bangsa adalah satu hikmah yang diajar dalam Islam untuk manusia itu saling hormat menghormati dan mengambil faedah bersama antara satu sama lain. Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ \* إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Terjemahan : Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu). (Al-Hujurat 49 : 13)

Nilai kemanusiaan secara umumnya diiktiraf oleh Islam. Dalam konteks lebih khusus iaitu kenegaraan maka kepentingan negara diutamakan juga diiktiraf sebagaimana teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW menerusi kepimpinan baginda SAW di Madinah. Piagam Madinah mengikat semua rakyat sama ada kalangan muslim dan bukan muslim untuk sama-sama menjaga dan memelihara keselamatan negara Madinah. Ini dapat difahami menerusi Fasal 44 dari Piagam Madinah iaitu : "Bahawa hendaklah bantu-membantu mempertahankan kota Yathrib (Madinah) daripada mana-mana pihak yang mencerobohnya." Selagi mana wujud usaha yang cuba membawa kepentingan ideologi kelompok tertentu melebihi kepentingan negara dan disambut oleh kalangan pendokong dan rakyat maka selagi itu perpaduan nasional semakin sukar untuk dicapai bersama. Justeru itu, politik bukanlah menjadi medan mengangkat ideologi kelompok tertentu sehingga menggadaikan prinsip serta kepentingan negara dan maslahat rakyat.

Sirah membuktikan Yahudi tetap diberikan perlindungan dan hak untuk duduk di Madinah sekalipun berlainan agama dan bangsa. Namun apabila Yahudi sendiri mengambil langkah jahat apabila mengadakan perjanjian dan bersekongkol dengan musyrikin Mekah dalam memerangi Madinah ketika tercetus perang Ahzab, akhirnya mereka dihukum (al-Sirjani, 2016). Hal ini kerana mereka telah menjual kepentingan negara kepada pihak luar. Malahan dalam dunia moden zaman sekarang, tidak

ada mana-mana negara yang boleh menerima pelakuan sedemikian jika wujudnya tali barut yang sanggup menggadaikan kepentingan negara kepada musuh luar.

#### ***4.3 Penerapan Patriotisme kepada Semua Kaum***

Untuk memastikan kepentingan negara diutamakan maka setiap rakyat Malaysia hendaklah berdisiplin dalam pengamalan hidup bernegara asas enam struktur kesatuan iaitu:

- i. YDP Agong sebagai Ketua Negara
- ii. Bendera Malaysia
- iii. Lagu Negaraku
- iv. Dasar kebudayaan kebangsaan
- v. Bahasa Kebangsaan
- vi. Sekolah aliran kebangsaan

Perkara ini mestilah diserapkan ke dalam setiap diri dan semua kaum dan bukan hanya pada kaum Melayu sahaja. Jika hanya kaum Melayu sahaja namun terdapat segelintir individu yang tidak berdisiplin dengan struktur kesatuan ini boleh mencetus suasana tegang. Hal ini dapat dilihat apabila isu perubahan kerajaan setelah jatuhnya kerajaan Pakatan Harapan (PH) pasca PRU 14 dengan peletakan jawatan oleh Tun Mahathir dan akhirnya Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi Perdana Menteri, maka kelihatan komen-komen yang menghina dan mengutuk YDP Agong yang kononnya campur tangan dalam urusan politik. Sedangkan proses pelantikan Perdana Menteri yang baharu oleh YDP Agong adalah mengikut lunas peruntukan Perlembagaan. Wujudnya komen-komen tidak bermoral ini dalam media sosial tersebut menunjukkan kebiadapan terhadap YDP Agong dalam mengendalikan urusan negara mengikut lunas Perlembagaan yang sedia ada. Hal ini boleh dilihat apabila wujudnya dalam diri seakan tidak mengiktiraf peranan Ketua Negara oleh YDP Agong (Nurul Huda, 2020).

Begitu juga polemik berkaitan kewujudan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang dilihat sebagai titik perdebatan kerana dilihat sebagai penghalang kepada proses perpaduan nasional kerana isu yang timbul seperti :

- i. Kefasihan berbahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan kalangan pelajar kaum selain Melayu. Kajian Nora'azian Nahar dan Fadzilah Abd Rahman dari Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap 414 murid Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) di Kuantan mendapati 55.7% masih tidak fasih bahasa Melayu (Shamsatun Nahar, 2020).

- ii. Isu pengiktirafan sijil UEC. Desakan kepada kerajaan terhadap pengiktirafan kepada Sijil Peperiksaan Bersama (Unified Examination Certificate, UEC) untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi yang dilihat tidak adil kepada pelajar-pelajar Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan seperti lepasan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) dan Sijil Pendidikan Tinggi Malaysia (STPM) sekolah kerajaan yang telah mengikuti dan mematuhi sistem pendidikan kebangsaan (Teo Kok Seong, 2019).
- iii. Keselarian dan keselarasan silibus SJK dengan pendidikan kebangsaan. Sekolah persendirian Cina tidak pernah berada dalam sistem dan dasar pendidikan kebangsaan, tambahan pula sistem silibusnya mematuhi sistem Taiwan dan Hong Kong. (Nur Azah, Asbah & Mohd Syariefudin, 2021).

#### ***4.4 Cabaran Kepada Etnisiti atau Semangat Kekitaan***

Etnisiti merupakan semangat kekitaan yang penting menjayakan usaha ke arah kesepaduan bagi mewujudkan perpaduan nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri dari masyarakat majmuk dan etnik-etnik yang pelbagai. Tanpa etnisiti, akan wujud blok sebagai penghalang proses perpaduan. Cabaran kepada etnisiti ialah :

- i. Sejauh mana aliran pendidikan kebangsaan diterap dan dihayati.
- ii. Bahasa kebangsaan yang menjadi pertikaian dalam kaum selain Melayu dalam penggunaan bahasa ibunda kaum masing-masing sehingga ada kalangan rakyat Malaysia yang masih tidak fasih berbahasa Melayu.
- iii. Dakwaan perkauman atau rasis dalam isu memperjuangkan hak istimewa Melayu dan Bumiputera yang jelas termaktub dalam perlembagaan.

Ini berikutan apabila isu-isu bersifat sentimen dan sensitif sering kali menjadi polemik yang membawa kepada suasana yang tidak menyenangkan. Antara isu-isunya ialah :

- i. Pemasangan bendera Malaysia terbalik.
- ii. Penggunaan bahasa selain Melayu dalam urusan rasmi di Media Kementerian.
- iii. Kebiadapan terhadap YDP Agong seperti UMANY (Persatuan Belia Baharu Universiti Malaya).
- iv. Polemik berpanjangan dalam penetapan keselarian silibus tulisan khat Jawi di SJK.

- v. Perancangan ratifikasi ICERD yang dilihat mampu megancam kedudukan istimewa Raja-raja dalam Perlembagaan.
- vi. Polemik tuntutan pengiktirafan penuh ke atas UEC setaraf SPM.

Kesemua isu sensitif ini secara langsung menyebabkan suasana tegang yang merosakan keharmonian suasana yang ada. Apabila terdapat pihak yang cuba mencetuskan polemik maka di situlah cabaran penerapan semangat etnisiti di kalangan rakyat Malaysia. Etnisiti yang hendak diwujudkan mestilah:

- i. Kepentingan dan kestabilan negara menjadi tanggungjawab semua.
- ii. Menghormati nilai kebangsaan dan hak-hak istimewa yang diperuntukan dalam parlimen seperti YDP Agong, Bahasa Melayu dan lain-lain.
- iii. Toleransi dalam pengamalan budaya masing-masing dan keterbukaan dalam perkara pengamalan agama tanpa paksaan.

## 5. Kesimpulan

Kedudukan dan pengaruh Melayu-Islam dalam negara Malaysia perlu difahami dengan baik oleh semua pihak. Hal ini merupakan realiti semasa bagi kewujudan negara Malaysia sejak dari awal penubuhannya. Isu-isu yang berlaku menyentuh sensitiviti Melayu-Islam yang berterusan akan menjadi penghalang kepada keharmonian hidup serta membantukan usaha ke arah perpaduan nasional. Hal ini disebabkan hak keistimewaan dan kedudukan Melayu-Islam adalah termaktub dalam perlembagaan. Walaupun begitu, keunikan Malaysia yang mengekalkan proses integrasi di peringkat sosial menjadikan Malaysia sebuah negara yang menarik perhatian dunia kerana kepelbagaian yang ada di bawah satu bumbung. Dengan toleransi yang wujud di peringkat sosial sedemikian, maka usaha yang serius wajar diwujudkan untuk memastikan perpaduan di peringkat nasional.

## Rujukan

- Abdul Hadi Awang. (2021). Perpaduan Ummah : Perpaduan Islam dan Perpaduan Manusia. Link : <https://harakahdaily.net/index.php/2021/03/03/perpaduan-ummah-perpaduan-islam-dan-perpaduan-manusia/>
- Abdul Hamid Bador. (2020). Utamakan Kepentingan Negara Daripada Kepentingan Peribadi. Astro Awani, 25 Februari 2020. Lihat : <https://www.astroawani.com/berita-politik/utamakan-kepentingan-negara-daripada-kepentingan-peribadi-kpn-231659>
- Al-Sirjani, Raghieb. (2016). Interaksi Rasulullah Dengan Non Muslim. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar.

- Astro Awani. (2021, 1 April). Pertahan Hak Melayu, Bumiputera Bukan Rasis. Lihat : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pertahan-hak-melayu-bumiputera-bukan-rasis-osman-sapian-202873>
- Badlisham Mohd Nasir. (2000). Pendekatan Politik Parti Islam Semalaysia (PAS) : Satu Sorotan. *Jurnal Syariah* 8 :1 [2000] 69-82.
- Hussamuddin Yaacob. 2020. "Hubungan Kaum, Agama Semakin Parah di Malaysia". *Astro Awani* 10 Januari 2020. Lihat : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hubungan-kaum-agama-semakin-parah-di-malaysia-227655>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). , "Kenyataan Media bagi Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia", diakses pada 15 Oktober 2022, [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4Press\\_Statement/2022/07.%20JULAI/ANGGARAN%20PENDUDUK%20SEMASA%20MALAYSIA%2C%202022.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4Press_Statement/2022/07.%20JULAI/ANGGARAN%20PENDUDUK%20SEMASA%20MALAYSIA%2C%202022.pdf).
- Lina Mastura Jusoh & Zaleha Embong. (2021). Cabaran Memperkukuh Kesepaduan Sosial dalam Masyarakat Superdiversity di Malaysia. *INSANIAH ; Online Journal of Language, Communication and Humanities. Special Issue, November 2021*: 109-120.
- Mohamed Anwar Omar Din. (2011). Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya. *Jurnal Melayu* (7) 2011 : 1-28.
- Nisar Mohammad Ahmad. (2020). Definisi Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Kesannya Terhadap Kefahaman dan Amalan Ajaran Islam di Malaysia. *Sains Insani. Vol. 5. No. 2. Pp. 9-16*.
- Nur Azah Razali, Asbah Razali & Mohd Syarifudin Abdullah. (2021). Isu-isu Survival Melayu Pasca Pilihan Raya Umum 2008 (PRU 2008). *Advances in Humanities and Contemporary Studies. Vol. 2. No. 2 (2021)*: 178-188.
- Nurul Huda Husain. (2020, 1hb Mac). Jangan Persoal Keputusan Agong Lantik Muhyiddin. Lihat *Sinar Harian* : <https://www.sinarharian.com.my/article/72041/khas/peralihan-kerajaan/jangan-persoal-keputusan-agong-lantik-muhyiddin>
- Pusat Perlembagaan Persekutuan. Rujukan Persuratan Melayu. 2012. Lihat : <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bahasa+melayu+digunapakai&d=175768>
- Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Zaini. (2017). Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun Dalam Konteks Integrasi dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Malaysia. *PASAK 2017: Selangor International Islamic University College (KUIS)*. [https://www.researchgate.net/publication/316451581\\_MODEL\\_PERPADUAN\\_DALAM KEPELBAGAIAN IBN KHALDUN DALAM KONTEKS INTEGRASI DAN PERPADUAN MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA](https://www.researchgate.net/publication/316451581_MODEL_PERPADUAN_DALAM KEPELBAGAIAN IBN KHALDUN DALAM KONTEKS INTEGRASI DAN PERPADUAN MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA)
- Shamsul Amri Baharuddin. (2014). Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat. <https://www.studocu.com/my/document/petronas-university-of-technology/hubungan-etnik/perpaduan-kesepaduan-dan-penyatupaduan-s-by-samsul-amri/22549171>
- Shamsatun Nahar Ahmad. (2020). Sekolah Vernakular Punca Bahasa Melayu Terpinggir. *Berita Harian Online*, 1 September 2020. Lihat : <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/09/726695/sekolah-vernakular-punca-bahasa-melayu-terpinggir>

- Shamsul Amri Baharuddin. (2019). Dari Kesatuan Ke Perpaduan IPNAS Sebagai Pengukur. Seminar Penyelidikan IPNAS 2019. 15 Oktober 2019, Putrajaya. [https://www.jpnn.gov.my/pdf/Seminar%20IPNas Prof.%20Ulung%20Datuk %20Dr.%20Shamsul%20Amri.pdf](https://www.jpnn.gov.my/pdf/Seminar%20IPNas%20Prof.%20Ulung%20Datuk%20Dr.%20Shamsul%20Amri.pdf)
- Teo Kok Seong. (2019). Tak Adil kepada lepasan SPM, STPM jika iktiraf UEC. Berita Harian Online. 31 Mac 31, 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/547442/tak-adil-kepada-lepasan-spmstpm-jika-iktiraf-uec>.